

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	Setitik Tinta Dari Ketua Pegawai Operasi/Pendaftar	
1.	Proses-proses Wajib Dilakukan Sebelum Majlis Konvokesyen	
1.1	Pengambilan Gambar (Kad Alumni)	1
1.2	Pembayaran Untuk Yuran Konvokesyen/Yuran/Lain-lain Bayaran/Hutang Tertunggak	1-3
1.3	Penyelesaian Pemulangan Bahan Dan Denda Perpustakaan Laman Hikmah	3
1.4	Kajian Pengesanan Graduan IPT	4
1.5	Mengemas kini Maklumat Alumni Dan Pendaftaran Alumni	4
1.6	Pengambilan Jubah	4-5
1.7	Pas Masuk Dewan dan Pas Kenderaan	5-6
2.	Proses-proses Wajib Dilakukan Semasa Majlis Konvokesyen	
2.1	Pendaftaran Graduan	7
2.2	Pecahan Sesi Penganugerahan Majlis Konvokesyen	8-11
2.3	Panduan Kepada Graduan Semasa Majlis	12
3.	Proses-proses Wajib Dilakukan Selepas Majlis Konvokesyen	
3.1	Pemulangan Jubah, <i>Mortar Board</i> atau <i>Bonnet</i> dan <i>Hood</i>	12-13
3.2	Tuntutan Sijil dan Transkrip Akademik	13-14
3.3	Penahanan Sijil dan Transkrip Akademik	15
3.4	Kehilangan Sijil dan Transkrip Akademik	15-16
3.5	Kesilapan Maklumat Dalam Sijil dan Transkrip Akademik	16
4.	Tatacara Berpakaian	
4.1	Pakaian Tetamu /Ibu bapa Semasa Majlis Konvokesyen	16
4.2	Pakaian Graduan Semasa Majlis Konvokesyen	17-18
4.3	Penampilan Diri Graduan	18
5.	Graduan Kurang Upaya / Yang Memerlukan Bantuan Khas (Cacat atau Kemalangan)	18
6.	Seni kata Lagu UTeM	19
7.	Waktu Solat Bagi Negeri Melaka	20
8.	Senarai Semak	21-23
9.	Nombor Telefon Untuk Dihubungi	24

SETITIK TINTA DARI KETUA PEGAWAI OPERASI / PENDAFTAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Majlis Konvokesyen Ke-21 UTeM akan dilaksanakan pada **1 hingga 3 November 2025 (Sabtu hingga Isnin)** bertempat di Dewan Canselor UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal, Melaka. Majlis Konvokesyen merupakan majlis pengiktirafan yang sangat bererti dan bermakna kepada graduan. Justeru, kerjasama daripada semua graduan adalah diperlukan untuk menjadikan Majlis Konvokesyen ini sebagai yang terbaik.

Buku ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada graduan mengenai perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas menghadiri Majlis Konvokesyen. Buku Panduan Graduan ini **WAJIB** dibaca dan difahami oleh setiap graduan bagi mengelakkan kekeliruan dan ketidaksampaian maklumat penting yang perlu diketahui seperti pendaftaran graduan, tarikh pengambilan jubah, tuntutan Sijil & Transkrip Akademik, penahanan Sijil & Transkrip Akademik, pakaian graduan & ibu bapa, tuntutan gambar graduan dan Borang Kajian Pengesanan Graduan.

Panduan ini diharap membantu graduan sebelum, semasa dan selepas menghadirkan diri ke **Majlis Konvokesyen**. Graduan turut diingatkan supaya sentiasa melayari laman sesawang Majlis Konvokesyen di <https://konvo.utem.edu.my/ms/> untuk mendapatkan maklumat terkini tentang perjalanan Majlis Konvokesyen. Kerjasama daripada semua graduan amat saya harapkan untuk menjamin kejayaan keseluruhan Majlis Konvokesyen Universiti ini.

Syabas dan tahniah kepada semua graduan.

MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi /Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**MAJLIS KONVOKESYEN KE – 21
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)
PADA 1 - 3 NOVEMBER 2025 (SABTU - ISNIN)**

Selamat Sejahtera

Tuan/Puan,

MAJLIS KONVOKESYEN KE – 21 UTeM

Kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan tuan/puan menamatkan pengajian di UTeM pada tahun ini. Majlis Konvokesyen Ke-21 UTeM akan diadakan pada **1 hingga 3 November 2025 (Sabtu hingga Isnin) bertempat di Dewan Canselor UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal, Melaka**. Para **GRADUAN TAHUN 2025** dijemput hadir pada Majlis Konvokesyen ini.

Graduan diminta supaya membaca dengan teliti Buku Panduan Graduan ini dan mengikuti arahan yang terkandung di dalamnya. Satu **senarai semak** telah disediakan di muka surat akhir Buku Panduan Graduan ini untuk kemudahan tindakan oleh graduan. Jika mempunyai kemusykilan, para graduan diminta untuk menghubungi pegawai-pegawai Universiti yang dinyatakan.

1. PROSES-PROSES WAJIB DILAKUKAN SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN

1.1 PENGAMBILAN GAMBAR (KAD ALUMNI)

Bagi memastikan Majlis Konvokesyen UTeM berjalan lancar, setiap graduan DIKEHENDAKI mengambil gambar untuk Kad Alumni. Kad Alumni ini akan memaparkan maklumat graduan semasa naik ke atas pentas. Sekiranya para graduan tidak berkesempatan untuk mengambil gambar bagi kad alumni ini, gambar pelajar seperti mana di dalam Sistem Maklumat Pelajar akan dipaparkan.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan pengambilan gambar bagi kad alumni, sila berhubung dengan Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar seperti berikut:

NAMA	ALAMAT E-MEL	NO TELEFON
Encik Azly Hisham Bin Haron	azly@utem.edu.my	06-270 1353
Encik Raja Azmi Bin Raja Ismail	rajaazmi@utem.edu.my	06-270 1909

1.2 PEMBAYARAN YURAN KONVOKESYEN / YURAN / LAIN-LAIN BAYARAN / HUTANG TERTUNGGAK

1.2.1 YURAN KONVOKESYEN

- a) Semua graduan **DIWAJIBKAN** membuat bayaran yuran konvokesyen.
- b) Graduan yang **TIDAK HADIR** ke Majlis Konvokesyen juga perlu menjelaskan yuran konvokesyen untuk menuntut Sijil dan Transkrip Akademik.
- c) Kadar yuran konvokesyen bagi setiap program adalah seperti berikut:
 - i. Diploma : RM100.00
 - ii. Sarjana Muda : RM130.00
 - iii. Sarjana : RM150.00
 - iv. Kedoktoran : RM150.00
- d) Pembayaran yuran konvokesyen adalah secara dalam talian (online) melalui e-payment gateway UTeM dengan melayari laman sesawang; <https://payment.utem.edu.my/> . Sila simpan resit pembayaran. **PEMBAYARAN SECARA TUNAI TIDAK AKAN DITERIMA.**
- e) Kegagalan graduan untuk membayar yuran konvokesyen akan menyebabkan proses-proses seterusnya **TIDAK BOLEH DILAKUKAN** iaitu:-
 - i. **mengambil jubah konvokesyen;**
 - ii. **menghadiri Majlis Konvokesyen; dan**
 - iii. **mengambil Sijil dan Transkrip Akademik.**

1.2.2 YURAN / LAIN-LAIN BAYARAN / HUTANG TERTUNGGAK

- a) Graduan yang mempunyai yuran / lain-lain bayaran / denda / hutang tertunggak **PERLU** menjelaskan semua pembayaran sebelum minggu pengambilan jubah bagi melancarkan urusan pengambilan jubah kelak.
- b) Merujuk kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab E – Pengurusan Akaun Pelajar berkaitan Peraturan Pembayaran Pelajar, pelajar yang gagal menjelaskan semua bayaran selepas tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
 - i. Ditahan daripada membuat pendaftaran mata pelajaran
 - ii. Ditahan slip menduduki peperiksaan

- iii. Ditahan keputusan peperiksaan
 - iv. Digantung pengajian
 - v. Diberhentikan
 - vi. **Ditahan menghadiri konvokesyen**
 - vii. **Ditahan Transkrip**
- c) Pembayaran yuran / lain-lain bayaran / hutang tertunggak boleh dibuat menggunakan kaedah **seperti di para 1.2.1 (d)** atau di kaunter Seksyen Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari sebelum tempahan jubah dibuat.

NOTA PENTING:-

GRADUAN YANG TIDAK HADIR KE MAJLIS KONVOKEYEN JUGA PERLU MENJELASKAN YURAN KONVOKEYEN UNTUK MENUNTUT SIJIL DAN TRANSKRIP.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai yuran, sila berhubung dengan pegawai di Pejabat Bendahari seperti berikut:

NAMA	ALAMAT E-MEL	NO TELEFON
Puan Noraliza binti Yusof	noralizayusof@utem.edu.my	06-270 2054
Graduan Prasiswazah :		
Puan Nazurah binti Abdullah	nazurah@utem.edu.my	06-270 2026
Puan Rumaiyah binti Saad	rumaiyah@utem.edu.my	06-270 2560
Puan Norizan binti Mat Daut	norizan.matdaut@utem.edu.my	06-270 2069
Puan Ezra Anish binti Mustapa	anish@utem.edu.my	06-270 1251
Encik Mohammad Shahril bin Salim	shahrilsalim@utem.edu.my	06-270 2005
Puan Radhiah binti Abd Rahman	radhiah@utem.edu.my	06-270 2061
Graduan Pascasiswazah :		
Puan Rosidah binti Awang	rosidahawang@utem.edu.my	06-270 2025
Puan Aslinda binti Suandi	aslinda@utem.edu.my	06-270 2046
Puan Roslita binti Jaafar	roslita@utem.edu.my	06-270 1108

1.3 PENYELESAIAN PEMULANGAN BAHAN DAN DENDA PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

KEGAGALAN graduan untuk memulangkan bahan perpustakaan, tidak menjelaskan denda dan tidak memulangkan kunci lokar (*locker*) akan menyebabkan Sijil dan Transkrip Akademik ditahan. Graduan dikehendaki membuat semakan dan *clearance* bagi perkara di atas sebelum konvokesyen.

Pemulangan bahan, kunci lokar dan pembayaran denda boleh dilakukan di kaunter Sirkulasi. Resit Pemulangan bahan, pembayaran denda dan kunci lokar akan disertakan sebagai bukti.

1.4 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT

Kajian Pengesanan Graduan (KPG) telah dilaksanakan bermula tahun 2006 sehingga kini. Pada tahun 2012, pihak KPT telah mula melaksanakan KPG dalam talian menggunakan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi mengetahui status pekerjaan setelah tamat pengajian. Di samping itu, kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan graduan berhubung program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan institusi pendidikan tinggi masing-masing.

Justeru itu, bakal graduan UTeM adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi borang tersebut secara dalam talian menerusi <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG25/>

Graduan dikehendaki mencetak "Slip Pengesanan Kajian" dan memuat naik slip tersebut semasa permohonan mengambil jubah konvokesyen (ISMP).

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Kajian Pengesanan Graduan, sila berhubung dengan Pusat Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran (U-ACE), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) seperti berikut:

NAMA	ALAMAT EMEL	NO TELEFON
Encik Mohd Zahier bin Mohd Yusoff	zahier@utem.edu.my	06-270 1916
Encik Ahmad Haikal bin Shamsul Bahrin	haikal@utem.edu.my	06-270 4013

1.5 MENGEMASKINI MAKLUMAT ALUMNI DAN PENDAFTARAN ALUMNI

Para graduan juga dimohon untuk mengemas kini status **TERKINI** alumni dengan melayari <https://alumniapp.utem.edu.my/>.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai pengemaskinian data alumni, sila berhubung dengan Pusat Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran (U-ACE), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) seperti berikut:

NAMA	ALAMAT EMEL	NO TELEFON
Puan Ernawatie binti Md Sah	ernawatie@utem.edu.my	06-270 4011
Encik Mohd Safar bin Adim	safar@utem.edu.my	06-270 4006

1.6 PENGAMBILAN JUBAH

- 1.6.1 Graduan **WAJIB** membuat **tempahan Jubah Konvokesyen** melalui laman sesawang Majlis Konvokesyen <https://portal.utem.edu.my/ismp/konvo/>
- 1.6.2 Sistem Permohonan Jubah yang akan dibuka mulai **01 Oktober 2025 (Rabu) hingga 31 Oktober 2025 (Jumaat)**.

1.6.3 **Sila cetak dan simpan slip permohonan tempah jubah bagi tujuan pengambilan jubah kelak.**

1.6.4 Proses pengambilan jubah konvokesyen akan dilaksanakan secara pandu lalu (*drive thru*) di Dewan Canselor. Bagi mengelakkan kesesakan semasa proses pengambilan jubah, graduan adalah dikehendaki mematuhi **Jadual Sesi Pengambilan Jubah** seperti berikut:

Tarikh	Sesi	Masa	Fakulti/Sekolah
27/10/2025 (Isnin)	Petang	2.00 petang - 5.00 petang	FTKM/FTKIP
28/10/2025 (Selasa)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FTMK/FAIX
	Petang	2.00 petang - 5.00 petang	SPS
29/10/2025 (Rabu)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FTKE/FTKEK
	Petang	2.00 petang - 5.00 petang	FPTT

1.6.5 Pengambilan jubah selepas dari tempoh di atas **TIDAK AKAN DILAYAN.**

1.7 PAS MASUK DEWAN DAN PAS KENDERAAN

1.7.1 Kod QR akan digunakan untuk Pas Masuk Dewan dan Pas Kenderaan.

1.7.2 **Semua graduan dikehendaki mencetak Pas Masuk Dewan dan Pas Kenderaan** melalui Sistem Permohonan Jubah yang akan dibuka mulai **01 Oktober 2025 (Rabu) hingga 31 Oktober 2025 (Jumaat)**. Sila patuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran dari semasa ke semasa menerusi laman sesawang konvokesyen UTeM.

1.7.3 Setiap graduan yang hadir dibenarkan membawa tetamu masuk ke dalam dewan **mengikut jumlah pas masuk yang diterima**. Jumlah pas masuk bagi setiap graduan adalah mengikut sesi seperti berikut:

SESI	TARIKH	PAS MASUK TETAMU GRADUAN
1	1 November 2025 (Sabtu, Pagi)	5
2	1 November 2025 (Sabtu, Petang)	3
3	2 November 2025 (Ahad, Pagi)	2
4	2 November 2025 (Ahad, Petang)	3
5	3 November 2025 (Isnin, Pagi)	2
6	3 November 2025 (Isnin, Petang)	3

- 1.7.4 Tetamu graduan hendaklah memegang cetakan Pas Masuk Dewan untuk ditunjukkan kepada petugas di pintu masuk dewan. Tetamu graduan yang tidak membawa pas masuk tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- 1.7.5 Graduan **DIWAJIBKAN** meletakkan cetakan pas kenderaan di atas *dashboard* sebelah kiri cermin kenderaan yang dinaiki oleh graduan.
- 1.7.6 Sila patuhi arahan petugas keselamatan dan papan tanda yang disediakan semasa meletakkan kenderaan bagi mengelakkan kesesakan dan halangan kepada kenderaan lain.

NOTA PENTING:-

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan sila berhubung dengan pegawai di seperti berikut:

GRADUAN PRASISWAZAH (BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK)		
NAMA	ALAMAT E-MEL	NO TELEFON
Encik Sahhizam bin Maamin	sahhizam@utem.edu.my	062701962
Puan Siti Salwah binti Ahmad	salwah@utem.edu.my	062701961
Encik Arif Fahdzril bin Sabri	fahdzril@utem.edu.my	062701963
Encik Azhar bin Ismail	azhar.ismail@utem.edu.my	062701968
Puan Erfa Fatin binti Bachik	erfa@utem.edu.my	062701098
Puan Sharifah Intan binti Osman	intan@utem.edu.my	062701965
Mohammad Aliff Syazwan bin Noorshah	aliff.syazwan@utem.edu.my	062702976
Encik Mohd Suhairi bin Mohd Saad	suhairi@utem.edu.my	062701970
Encik Mohammad Taufik bin Osman	mohammadtaufik@utem.edu.my	062702713
Encik Muhammad Hariz bin Mohd Abid	hariz@utem.edu.my	062701974

GRADUAN SEPARA MASA (UTeM ACCESS)		
Encik Mohd Rady bin Ab Karim	rady@utem.edu.my	062701489
Puan Azlinah binti Ajis	azlinah@utem.edu.my	062704597

GRADUAN PASCASISWAZAH (SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH)		
Encik Mohd Adznan bin Mohd Nayan	adznan@utem.edu.my	062702788
Puan Nurul Syuhada' binti Haron	nurulsyuhada@utem.edu.my	062701952
Puan Nooraznina Irma binti Mustafa	aznina@utem.edu.my	062701382
Cik Nur Afiqah binti Mohd Hamdan	nur.afiqah@utem.edu.my	062702801

2. PROSES-PROSES WAJIB DILAKUKAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

2.1 PENDAFTARAN GRADUAN

- 2.1.1 Graduan yang **hadir pada hari penganugerahan** dikehendaki **mendaftarkan diri** kepada petugas di Kompleks Dewan Kuliah dengan membawa **Kad Alumni**. Masa pendaftaran adalah seperti di perenggan 2.2 di bawah.
- 2.1.2 Graduan **dilarang** membawa sebarang beg / beg tangan semasa pendaftaran graduan dan ke dalam Dewan Canselor. **HANYA KAD ALUMNI SAHAJA YANG PERLU DIBAWA BERSAMA.**
- 2.1.3 Graduan **SESI PAGI** dinasihatkan agar bersarapan lebih awal sebelum mendaftar diri. Sarapan tidak disediakan oleh UTeM.
- 2.1.4 Graduan **SESI PETANG** dinasihatkan agar makan tengah hari lebih awal sebelum mendaftar diri. Makan tengah hari tidak disediakan oleh UTeM.
- 2.1.5 Jika menunaikan solat zohor selepas mendaftar diri, anda dikehendaki segera masuk ke dalam barisan sebaik sahaja selesai solat zohor mengikut susunan yang telah ditetapkan. (*Waktu solat bagi negeri Melaka adalah seperti di belakang buku ini*)
- 2.1.6 Semua graduan tidak dibenarkan meninggalkan dewan sehingga selesai Majlis Konvokesyen.

NOTA PENTING:

GRADUAN YANG DIDAPATI TIDAK KEMBALI SEMULA KE DALAM BARISAN SEHINGGA BARISAN GRADUAN TELAH MASUK KE DALAM DEWAN, MEREKA TIDAK AKAN DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN.

2.2 PECAHAN SESI PENGANUGERAHAN MAJLIS KONVOKESYEN:

SESI	TARIKH	PROGRAM	MASA PENDAFTARAN
1 (Pagi)	1/11/2025 (Sabtu)	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah • Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik • Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik • Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik • Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal • Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan • Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat Dan Komunikasi • Sarjana Sains Dalam Keusahawanan • Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi • Sarjana Sains Komunikasi Teknikal • Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia • Sarjana Kejuruteraan Elektrik • Sarjana Kejuruteraan Mekatronik • Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) • Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) • Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi) • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk) • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga) • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal • Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) • Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju Dan Pemprosesan) • Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri) • Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti) • Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan) • Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) • Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data) • Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) • Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan) 	8.00 pagi

SESI	TARIKH	PROGRAM	MASA PENDAFTARAN
		<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Mudah Alih) Sarjana Teknologi (Sains Data Dan Analitik) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi Dan Inovasi) Sarjana Tekno Inovasi Anugerah Hadiah Akademik 	
2 (Petang)	1/11/2025 (Sabtu)	<u>Ijazah Sarjana Muda</u> <ul style="list-style-type: none"> Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri Dengan Kepujian <u>Diploma</u> <ul style="list-style-type: none"> Diploma Kejuruteraan Elektronik 	1.00 petang
3 (Pagi)	2/11/2025 (Ahad)	<u>Ijazah Sarjana Muda</u> <ul style="list-style-type: none"> Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi) Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan Dan Logistik) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian 	8.00 pagi

SESI	TARIKH	PROGRAM	MASA PENDAFTARAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Kejuruteraan Industri Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kimpalan Dengan Kepujian <p><u>Diploma</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Diploma Kejuruteraan Pembuatan 	
4 (Petang)	2/11/2025 (Ahad)	<p><u>Ijazah Sarjana Muda</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian (Separa Masa) • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik Dengan Kepujian <p><u>Diploma</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Diploma Kejuruteraan Elektrik 	1.00 petang
5 (Pagi)	3/11/2025 (Isnin)	<p><u>Ijazah Sarjana Muda</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian 	8.00 pagi

SESI	TARIKH	PROGRAM	MASA PENDAFTARAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian <p><u>Diploma</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Diploma Sains Komputer 	
6 (Petang)	3/11/2025 (Isnin)	<p><u>Ijazah Sarjana Muda</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian (Separa Masa) • Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian • Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Automotif Dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara Dengan Kepujian <p><u>Diploma</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Diploma Kejuruteraan Mekanikal 	1.00 petang

2.3 PANDUAN KEPADA GRADUAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

PENTING:- Sila baca panduan ini dengan teliti.

2.3.1 Penganugerahan Ijazah Kedoktoran / Sarjana / Sarjana Muda dan Diploma akan disempurnakan oleh Canselor atau Pro-Canselor atau Naib Canselor UTeM.

2.3.2 Apabila nama tuan/puan diumumkan, tuan/puan diminta berjalan terus ke arah Canselor atau Pro Canselor atau Naib Canselor, tunduk sebagai tanda hormat dan menerima Album Sijil dengan kedua-dua belah tangan dan mengucapkan **“TERIMA KASIH TUN / TAN SRI / DATUK / PROFESOR ”**.

3. PROSES-PROSES WAJIB DILAKUKAN SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN

3.1 PEMULANGAN JUBAH, MORTAR BOARD ATAU BONNET DAN HOOD

3.1.1 Jubah, *Mortar Board* atau *Bonnet* dan *Hood* **WAJIB** dipulangkan sebaik sesi penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah / Sarjana / Sarjana Muda / Diploma tuan/puan berakhir.

3.1.2 Graduan akan dikenakan kadar sewaan dan / atau denda lewat sehari selepas sesi penganugerahan masing-masing.

3.1.3 Graduan dikehendaki **memulangkan jubah sebaik sahaja tamat sesi penganugerahan masing-masing** mengikut ketetapan berikut:-

TARIKH	TEMPAT	MASA
01 November 2025 (Sabtu)	Bilik Kuliah 3, Aras 4, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka	12.00 tengah hari hingga 6.00 petang
02 November 2025 (Ahad)		8.00 pagi hingga 6.00 petang
03 November 2025 (Isnin)		8.00 pagi hingga 6.00 petang
04 November 2025 (Selasa)		8.00 pagi hingga 5.00 petang

Selepas daripada tarikh dan tempoh masa yang dinyatakan di atas, graduan dikehendaki memulangkan jubah, *mortar board* atau *bonnet* dan *hood* di **Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik, Aras 2, Kompleks Dewan Kuliah** pada

hari bekerja sahaja bermula jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**, tertakluk kepada pengenaan **kadar sewaan dan denda lewat pemulangan jubah**.

3.1.4 Kadar sewaan adalah seperti di jadual berikut:-

Tempoh Pemulangan	Kadar
Jika jubah dipulangkan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas sesi penganugerahan, sewaan jubah akan dikenakan.	RM2.00/sehari*
Jika jubah dipulangkan mulai hari kelapan (8) dan selepasnya sewaan jubah dan denda akan dikenakan.	(Kadar sewaan RM14) + RM30.00/sehari*

* kadar sewaan dikira termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am.

3.1.5 Mana-mana graduan yang telah menghilangkan jubah dan/atau mana-mana kelengkapannya (seperti *mortar board* atau *bonnet* dan *hood*) akan dikenakan denda kehilangan seperti berikut:

ITEM	KADAR DENDA
Jubah	RM700.00
<i>Mortar board</i>	RM100.00
<i>Bonnet</i>	RM200.00
<i>Hood</i>	RM100.00

3.1.6 Bagi graduan yang memulangkan jubah dan/atau mana-mana kelengkapannya (seperti *mortar board* atau *bonnet* dan *hood*) dalam **keadaan rosak**, graduan dianggap telah menghilangkannya dan akan dikenakan bayaran mengikut denda kehilangan.

3.1.7 Jika graduan turut lewat memaklumkan mengenai kerosakan ini, graduan akan dikenakan bayaran sewaan, denda lewat dan denda kehilangan.

3.1.8 Semua bayaran berhubung dengan sewaan, denda lewat atau denda kehilangan hendaklah dibayar di Kaunter Pejabat Bendahari sebelum mengambil Sijil dan Transkrip.

3.2 TUNTUTAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

3.2.1 Sijil dan Transkrip Akademik akan diserahkan selepas graduan memulangkan jubah, *mortar board* dan *hood* dan telah menyelesaikan denda atau hutang tertunggak dengan Universiti.

3.2.2 **Graduan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana Muda Separa Masa dan Diploma** dikehendaki mengambil Sijil dan Transkrip Akademik selepas selesai sesi penganugerahan masing-masing seperti berikut :-

TARIKH	TEMPAT	MASA
01 November 2025 (Sabtu)	Bilik Kuliah 4, Aras 4, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka	12.00 tengah hari hingga 6.00 petang
02 November 2025 (Ahad)		8.00 pagi hingga 6.00 petang
03 November 2025 (Isnin)		8.00 pagi hingga 6.00 petang
04 November 2025 (Selasa)		8.00 pagi hingga 5.00 petang

Selepas daripada tarikh dan tempoh di atas, Sijil dan Transkrip Akademik boleh dituntut di **Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik, Aras 2, Kompleks Dewan Kuliah**. Waktu pengambilan adalah pada hari bekerja sahaja bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

- 3.2.3 **Graduan Kedoktoran dan Sarjana**, dikehendaki mengambil Sijil dan Transkrip Akademik masing-masing selepas selesai setiap sesi konvokesyen boleh dituntut di **Sekolah Pengajian Siswazah**. Waktu pengambilan adalah pada hari bekerja sahaja bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
- 3.2.4 Sijil dan Transkrip Akademik hendaklah dituntut di dalam tempoh **90 hari** dari tarikh Majlis Konvokesyen. Sekiranya tuntutan tidak dibuat dalam tempoh tersebut, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kehilangan atau sebagainya.
- 3.2.5 Bagi graduan yang **tidak dapat hadir** untuk mengambil Sijil dan Transkrip, boleh berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Akademik (bagi graduan program Diploma dan Sarjana Muda) atau Sekolah Pengajian Siswazah (bagi graduan program Kedoktoran dan Sarjana) dan meminta Sijil dan Transkrip Akademik berkenaan diposkan dengan memberikan alamat terkini yang lengkap serta salinan Kad Pengenalan. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan semasa perjalanan pos. Semua urusan pos untuk menghantar Sijil dan Transkrip Akademik akan dibuat melalui Pos Laju. Pihak Universiti akan hanya mengirimkan Sijil dan Transkrip Akademik setelah graduan mengembalikan selengkapnya jubah, *mortar board* dan *hood* dan telah menyelesaikan hutang tertunggak dengan Universiti.
- 3.2.6 Graduan yang mewakili individu lain untuk mengambil Sijil dan Transkrip Akademik bagi pihaknya dikehendaki mengemukakan surat kebenaran dan

salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan nama dan nombor kad pengenalan individu yang diwakilkan di dalam surat kebenaran. Pihak Universiti akan hanya menyerahkan Sijil dan Transkrip Akademik kepada wakil yang dilantik jika graduan telah mengembalikannya jubah, *mortar board* dan *hood* dan telah menyelesaikan hutang tertunggak dengan Universiti.

3.3 PENAHANAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Graduan yang masih berhutang dengan pihak UTeM atau belum memulangkan buku Perpustakaan atau barang-barang lain yang dipinjam dari mana-mana Pejabat di UTeM, **diingatkan** supaya menyelesaikan urusan dengan Pejabat berkenaan selewat-lewatnya **1 minggu sebelum** Majlis Konvokesyen berlangsung. Sekiranya bayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa resit bayaran atau bukti serahan sewaktu menuntut Sijil dan Transkrip. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Sijil dan Transkrip Akademik graduan ditahan.

3.4 KEHILANGAN SIJIL ATAU TRANSKRIP AKADEMIK

- 3.4.1 Pihak UTeM telah menetapkan bahawa Sijil Dan Transkrip Akademik asal cuma dikeluarkan sekali sahaja kepada graduan dan tidak lagi dikeluarkan untuk menggantikan yang hilang atau rosak. Sekiranya sijil dan/atau transkrip hilang atau rosak, pihak Universiti hanya dapat mengeluarkan salinan sijil dan/atau transkrip berkenaan.
- 3.4.2 Bagi kes kehilangan Sijil dan/atau Transkrip Akademik, pelajar perlu membuat laporan kepada pihak polis dan laporan tersebut hendaklah dilampirkan semasa membuat permohonan ke Bahagian Pengurusan Akademik bagi graduan Sarjana Muda dan Diploma atau Sekolah Pengajian Siswazah bagi graduan Ijazah Kedoktoran dan Sarjana.
- 3.4.3 Bagi kes kerosakan Sijil atau Transkrip Akademik, graduan perlu melampirkan Sijil atau Transkrip Akademik yang rosak tersebut kepada Bahagian Pengurusan Akademik atau Sekolah Pengajian Siswazah (mana yang berkenaan) semasa membuat permohonan.
- 3.4.4 Permohonan salinan Sijil atau Transkrip Akademik akan dikenakan bayaran RM50.00 setiap satu bagi graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Manakala bagi graduan Ijazah Kedoktoran dan Sarjana bayaran yang dikenakan untuk setiap salinan Sijil adalah RM100.00 dan Transkrip RM50.00. Oleh itu, para graduan

dinasihatkan menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

3.5 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sebaik sahaja menerima Sijil dan Transkrip Akademik, setiap graduan perlu menyemak untuk mengelakkan sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Sijil atau Transkrip Akademik, ia boleh diganti baru dengan syarat kesilapan itu adalah daripada pihak UTeM sendiri dan dilaporkan secara bertulis dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh konvokesyen atau 90 hari bagi mereka yang tidak menghadiri konvokesyen. Selepas dari tempoh ini, Sijil atau Transkrip Akademik tidak lagi dikeluarkan.

4. TATACARA BERPAKAIAN

4.1 PAKAIAN TETAMU/IBU BAPA SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

4.1.1 Tetamu Lelaki (Islam/Bukan Islam)

Pakaian rasmi/kebangsaan lengkap/*lounge suit* atau pakaian tertib. Maksud pakaian tertib bagi lelaki (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas) adalah berseluar panjang dan baju berlengan panjang (**Kemeja-T adalah tidak dibenarkan**).

4.1.2 Tetamu Wanita (Islam/Bukan Islam)

- a) Pakaian tertib bagi wanita (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas) adalah baju kurung/moden atau kebaya.
- b) Bagi tetamu graduan yang bukan beragama Islam, pakaian gaun atau *skirt* **mestilah melebihi paras buku lali**.
- c) *Blouse* tanpa lengan, kemeja-T dan seluar yang tidak mencapai paras buku lali adalah dianggap tidak sesuai dan tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan Canselor UTeM.

NOTA PENTING

- i) Panduan pemakaian untuk tetamu/ibu bapa ini adalah berdasarkan panduan etika protokol berpakaian untuk majlis-majlis rasmi.
- ii) Kanak - kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- iii) Petugas/Penyambut tetamu berhak untuk tidak membenarkan tetamu/ibu bapa graduan daripada memasuki Dewan jika gagal mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan.

4.2 PAKAIAN GRADUAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

4.2.1 Graduan Lelaki:-

- a) *Mortar Board* atau *Bonnet* (disediakan oleh pihak Universiti).
- b) Jubah dan *Hood* (disediakan oleh pihak Universiti).
- c) Memakai *lounge suit* (kot atau *blazer*) berwarna hitam atau gelap serta bertali leher. Baju dan tali leher adalah berwarna bebas; **atau** Sepasang Baju Melayu berwarna hitam berbutang lima (Baju Melayu cekak musang), bersamping songket hitam berbunga benang emas dan dipakai tanpa menggunakan bengkung.
- d) Kasut kulit hitam bertutup penuh.

4.2.2 Graduan Perempuan:-

- a) *Mortar Board* atau *Bonnet* (disediakan oleh pihak Universiti).
- b) Jubah dan *Hood* (disediakan oleh pihak Universiti).
- c) Baju kurung moden/labuh atau kebaya bandung/labuh. Kebaya Sarung tanpa menggunakan belah (*split*) di tepi tetapi boleh memakai lipatan (*pleat*) di bahagian hadapan; **atau** *Skirt* labuh melepasi buku lali yang berwarna hitam dan blaus yang berlengan panjang. (Warna blaus adalah bebas).
- d) kain pakaian jenis *lace* boleh dipakai dengan syarat mempunyai *lining*.
- e) Selendang/Mini Telekung/Sarung Tangan dibenarkan untuk dipakai.
- f) Warna pakaian adalah pilihan sendiri.
- g) Bagi graduan yang memakai tudung/mini telekung, **warna bagi tudung tersebut adalah bebas.**
- h) Kasut kulit hitam bertutup penuh dan bertumit. **Kasut sarung (sandal) tidak dibenarkan sama sekali.**
- i) Graduan yang telah mendapat pentauliahannya daripada Badan Beruniform UTeM dibenarkan untuk memakai pakaian istiadat yang telah ditetapkan bagi Majlis Konvokesyen.

4.2.3 Set Jubah Graduan

- a) Kedoktoran : Jubah Biru Kehitaman (*Blue Black*) dengan tiga (3) jalur di lengan, *hood* dan *bonnet*.
- b) Sarjana : Jubah Biru Kehitaman (*Blue Black*) dengan dua (2) jalur di lengan, *hood* dan *mortar board*.

- c) Sarjana Muda : Jubah Biru Kehitaman (*Blue Black*) dengan satu (1) jalur di lengan, *hood* dan *mortar board*.
- d) Diploma : Jubah Biru Kehitaman tanpa jalur di lengan tangan dan mortar board

NOTA PENTING

PAKAIAN SELAIN DARIPADA JENIS PAKAIAN YANG DISENARAIKAN DI ATAS ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. (SILA LIHAT LAMPIRAN DI BELAKANG IAITU CONTOH PAKAIAN GRADUAN YANG DIBENARKAN)

4.3 PENAMPILAN DIRI GRADUAN

5.3.1 Graduan Lelaki

Rambut hendaklah pendek dan kemas, tidak berwarna dan tidak mencecah kolar baju.

5.3.2 Graduan Perempuan

Hendaklah berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.

JIKA GRADUAN GAGAL MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK PETUGAS MAJLIS KONVOKESYEN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MEMASUKI DEWAN DAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN UTeM.

5. GRADUAN KURANG UPAYA / MEMERLUKAN BANTUAN KHAS (CACAT ATAU KEMALANGAN)

Graduan kurang upaya (cacat atau kemalangan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak Bahagian Pengurusan Akademik menerusi e-mel bpa@utem.edu.my

6. SENI KATA LAGU UTeM

“UTeM TERBILANG”

DI SINI SEGALA BERMULA
CEMERLANG MENCIPTA GEMILANG
BERTUAH BUMIKU MENYAKSI
BERSAMA KITA BERJUANG

TERSOHOR PERSADA DUNIA
SENADA WAWASAN NEGARA
MELAHIR INSAN LUHUR JIWA
MAMPAN MENAMBAT DUNIA

PERKONGSIAN PINTAR
UNIVERSITI DAN INDUSTRI
KREATIF INOVATIF

PEMBELAJARAN TERAS
APLIKASI DAN KOMPETENSI
TEKAD MENCAPAI VISI

DEMI SEMANGAT NEGARA
KAMI MENCURAH BAKTI
NASIB PERTIWI TERUS DIBELA
KEPADA IBUNDA KAMI BERJANJI

UTeM KU CEMERLANG
UTeM KU GEMILANG
UTeM KU TERBILANG
UTeM TERUS BERJUANG

7. WAKTU SOLAT BAGI NEGERI MELAKA

TARIKH	HARI	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYA'
1 November 2025	Sabtu	5:44 am	6:54 am	12:57 pm	4:17 pm	6:57 pm	8:08 pm
2 November 2025	Ahad	5:44 am	6:54 am	12:57 pm	4:17 pm	6:57 pm	8:08 pm
3 November 2025	Isnin	5:44 am	6:54 am	12:57 pm	4:17 pm	6:57 pm	8:08 pm

❖ Sumber daripada <https://www.e-solat.gov.my>

8. SENARAI SEMAK

APA PERLU ANDA BUAT:

MASA	BIL.	PERKARA	DOKUMEN PERLU DISERTAKAN/DIBAWA
SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN	1	Layari laman web https://konvo.utem.edu.my/ dari semasa ke semasa untuk mengetahui maklumat terkini tentang Majlis Konvokesyen.	
	2	Semak sesi konvokesyen anda.	
	3	Semak tatacara berpakaian dan penampilan semasa konvokesyen. Sediakan keperluan ini jika tiada.	
	4	Maklumkan kepada tetamu/ibu bapa mengenai tatacara berpakaian tetamu/ibu bapa semasa Majlis Konvokesyen. Sediakan keperluan ini jika tiada.	
	5	Jelaskan bayaran yuran konvokesyen mengikut kaedah di perenggan 1.2.1 Buku Panduan Graduan. Simpan resit dengan baik sebagai bukti pembayaran.	
	6	Semak dan bayar yuran / lain-lain bayaran / hutang tertunggak mengikut kaedah di perenggan 1.2.2 Buku Panduan Graduan. Simpan resit dengan baik sebagai bukti pembayaran.	
	7	Buat tempahan jubah konvokesyen di laman sesawang https://portal.utem.edu.my/ismp/konvo/	<ul style="list-style-type: none"> - Cetak slip tempahan jubah - Cetak slip kajian pengesanan graduan - Cetak Pas Kenderaan - Cetak Pas Masuk
	8	Hadir ke UTeM mengikut Jadual Sesi Pengambilan Jubah di perenggan 1.6.4 Buku Panduan Graduan yang ditetapkan.	
	9	Hadir ke Dewan Canselor untuk proses pengambilan kad alumni dan jubah konvokesyen secara pandu lalu.	
	10	Serahkan slip tempahan jubah dan slip kajian pengesanan graduan (SKPG) kepada petugas.	<ul style="list-style-type: none"> - serahkan slip tempahan jubah - serahkan slip SKPG

MASA	BIL.	PERKARA	DOKUMEN PERLU DISERTAKAN/DIBAWA
	11	Pastikan di dalam beg jubah yang diserahkan mengandungi set jubah konvokesyen, kad alumni dan cenderahati	<ul style="list-style-type: none"> - set jubah konvokesyen - kad alumni - cenderahati
	12	Tempah dan bayar gambar atas pentas.	<ul style="list-style-type: none"> - Dapatkan resit bayaran
SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN	13	Hadir ke UTeM pada tarikh yang ditetapkan mengikut sesi penganugerahan .	<ul style="list-style-type: none"> - Pamerkan cetakan kod QR Pas Kenderaan (letakkan pada sebelah kiri cermin depan kenderaan) - Sila bawa cetakan kod QR Pas Masuk Dewan (serahkan kepada ibu bapa / tetamu graduan yang masuk ke Dewan Canselor UTeM) - Kad Alumni (dipegang oleh graduan) - Jubah, mortar board atau bonnet, hood (dipegang oleh graduan)
	14	Hadir ke Kaunter Pendaftaran Graduan di Lobi Kompleks Dewan Kuliah UTeM dan mendaftar diri kepada petugas pengurusan graduan (sila patuhi masa dan tatacara berpakaian yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Graduan). Graduan Sesi Pagi dinasihatkan bersarapan lebih awal.	<p>PERINGATAN:</p> <p>Graduan diminta supaya tidak membawa sebarang beg / beg tangan, barang berharga dan dompet wang semasa mendaftar diri kecuali beg yang menyimpan Jubah sahaja. Beg / beg tangan tidak</p>

MASA	BIL.	PERKARA	DOKUMEN PERLU DISERTAKAN/DIBAWA
			dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam Dewan Canselor UTeM. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kehilangan / kerosakan harta benda.
	15	Beratur dalam barisan / kursus anda mengikut arahan petugas.	
	16	Berarak masuk ke dewan dengan tertib.	
	17	Ambil tempat duduk di dalam dewan mengikut arahan Pepandu Graduan.	
	18	Tunggu giliran Fakulti/kursus anda menerima ijazah/diploma.	
	19	Beratur untuk menerima Ijazah/Diploma apabila mendapat arahan Pepandu Graduan.	
	20	'Swipe' Kad Alumni apabila diminta oleh petugas untuk tujuan paparan nama di skrin.	Kad Alumni
	21	Terima Ijazah / Diploma (sila rujuk perenggan 2.3 Buku Panduan Graduan)	
	22	Keluar dewan apabila pemakluman selesai majlis.	
SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN	23	Pulangkan jubah konvokesyen dalam keadaan baik. Tempat pemulangan jubah konvokesyen adalah seperti mana yang dinyatakan di perenggan 3.1 Buku Panduan Graduan.	<ul style="list-style-type: none"> - Jubah konvokesyen - Hood - Mortarboard/ - Bonnet
	24	Ambil Sijil dan Transkrip (pastikan anda tiada hutang tertunggak kepada Universiti). Tempat mengambil Sijil dan Transkrip adalah seperti mana yang dinyatakan di perenggan 3.2 Buku Panduan Graduan.	<ul style="list-style-type: none"> - Kad Alumni

Segala pertanyaan umum boleh dimajukan kepada:
**Bahagian Pengurusan Akademik,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**
**Telefon : 06-270 1990 / 1961 / 1098 / 2976 / 1965 / 1962 / 1968 /
1970 / 1974 / 1963 / 1964/ 1967 / 1207/ 2713**
e-mel : bpa@utem.edu.my